

**IKONOGRAFI REKA BENTUK DAN MOTIF
KURON DAN LAPOHAN DI SABAH**




NURUL AISYAH BINTI OTHMAN

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2016**

**IKONOGRAFI REKA BENTUK DAN MOTIF
KURON DAN *LAPOHAN* DI SABAH**

NURUL AISYAH BINTI OTHMAN



UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA SASTERA (SENI VISUAL)**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2016**

PENAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

9 Ogos 2016

Nurul Aisyah Binti Othman

MC1321014T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **NURUL AISYAH BINTI OTHMAN**
NO.MATRIK : **MC1321014T**
TAJUK : **IKONOGRAFI REKA BENTUK DAN MOTIF *KURON* DAN *LAPOHAN* DI SABAH**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SENI VISUAL)**
TARIKH VIVA : **26 JULAI 2016**

DISAHKAN OLEH;

1. PENYELIA

Pm. Dr. Zairul Md. Dawan



Tandatangan

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat ALLAH S.W.T dengan limpah kurnia dan berkat-Nya tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Terlebih dahulu saya ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengerusi saya iaitu PM.Dr Zairul Anwar Md Dawam, kerana memberi tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan yang mendalam berkenaan dengan tesis. Selain itu juga ucapan terima kasih kepada Ahli jawatankuasa yang utama yang tidak jemu untuk meyelia tesis saya iaitu Dr Humin Jusilin dari awal hingga akhir penulisan dan Cik Norhayati Binti Ayob yang banyak memberi galakan dan dorongan untuk menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga kepada Ayahanda dan Bonda saya iaitu Othman bin Mokhtar dan Rohana Binti Othman serta ahli keluarga yang sentiasa mendoakan, menyokong dan memberikan bantuan dari segi kewangan. Tidak dilupakan juga kepada Mohd Hafiz Haiqal Bin Dandan yang sentiasa disisi memberi pendapat dan nasihat untuk lebih berjaya pada masa hadapan.

Penyelidik juga memberikan ucapan terima kasih kepada semua pensyarah Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), bahagian laman seni, Keluarga penyelidik dan rakan-rakan pascasiswazah yang sentiasa memberikan semangat dan tunjuk ajar. Tidak lupa juga kepada semua informan yang telah meluangkan masa bersama-sama saya untuk memberikan maklumat berkenaan dengan kajian yang saya laksanakan. Sememangnya jasa mereka tidak dapat saya lupakan.

Nurul Aisyah Binti Othman



9 Ogos 2016



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK


Kesenian dan kebudayaan merupakan cerminan wajah sesuatu bangsa. Negeri Sabah kaya dengan pelbagai keunikan dalam amalan kebudayaan tradisi mengikut etnik masing-masing. Hal ini, dapat dilihat dalam penghasilan kraf tangan tembikar yang dihasilkan secara tradisional oleh masyarakat Dusun Tindal iaitu tembikar *Kuron* yang bertempat di daerah Kota Belud manakala masyarakat Bajau laut menghasilkan tembikar *Lapohan* bertempat di daerah Semporna Sabah. Tembikar tradisional ini dikenali sebagai *Kuron* dan *Lapohan* yang mempunyai keunikan reka bentuk dan motif yang menampilkan nilai keindahan yang tersendiri yang harus diselidik secara terperinci. Kajian ini telah mencapai objektif iaitu dengan mencirikan tembikar tradisional *kuron* dan *Lapohan*. Kedua dapat mengkategorikan reka bentuk dan motif tembikar tradisional *Kuron* dan *Lapohan* serta dan yang ketiga dapat menganalisis jenis-jenis reka bentuk dan motif tembikar tradisional *Kuron* dan *Lapohan*. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan jenis lapangan iaitu melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan rakaman audio visual. Selain itu, menggunakan teori kritikan ikonografi yang diperkenalkan oleh Edwin Panofsky melalui tiga bahagian analisis iaitu premier, sekunder dan makna yang membolehkan pengkaji secara perinci dari segi reka bentuk dan motif tembikar tradisional Sabah. Penyelidikan ini juga bertujuan untuk menjelaskan keindahan dari segi struktur reka bentuk, motif dan teknik-teknik pembuatan serta kegunaan tembikar tradisi *korun* dan *Lapohan* dalam amalan tradisi masyarakat dusun dan bajau laut. Kajian ini juga mendapati elemen estetika dan formalistik dari segi reka bentuk dan motif tembikar memberikan fungsi yang signifikan dalam membantu menjalankan aktiviti kehidupan masyarakat.



ABSTRACT

ICONOGRAPHY DESIGN AND MOTIF OF THE KURON AND LAPOHAN POTTERY IN SABAH

Arts and culture is a reflection of the face of a nation. Sabah is rich in its uniqueness of cultural tradition as in practice according to their respective ethnic. This can be seen in the production of handicrafts produced traditional pottery by Dusun Tindal the pottery Kuron's located in Kota Belud and Bajau sea while producing earthenware Lapohan located in Semporna, Sabah. Traditional pottery is known as Kuron and Lapohan which has unique designs and motifs that showcase the beauty of its own that should be investigated in detail. Objectives in this research are achieved to characterize the traditional pottery Kuron and Lapohan. Second objectives can categorizing the design and motifs of traditional pottery Kuron and Lapohan . Third objective can analyzes the types of designs and motifs of traditional pottery Kuron and Lapohan. The research methods used in study are through observation, interviews and audio-visual recordings. In addition, using the theory of iconography criticism introduced by Edwin Panofsky through three division namely analytical premier, secondary and meaning that enables researchers for detailed terms of design and motifs of traditional pottery Sabah. This research also aims to explain the beauty of design in terms of structure, motifs and techniques and the use of pottery making tradition Korun and Lapohan in the traditional practices of Dusun and Bajau sea. The study also found elements of aesthetic and formalistic terms of design and motif pottery produce a function in helping to carry out the activities of community life.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
BAB 1: PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	6
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Metodologi dan Kaedah Kajian	8
1.5.1 Teori Ikonografi	8
1.6 Skop Kajian	10
1.7 Tujuan Kajian	11
1.8 Kepentingan Kajian	12
1.9 Lokasi Kajian	13
1.10 Limitasi Kajian	14
1.11 Penutup	15
BAB 2: SOROTAN LITERATUR	17
2.1 Pengenalan	17
2.2 Istilah Tradisional	18
2.2.1 Reka Bentuk	18
2.2.2 Ragam Hias	19

2.2.3	Motif	20
2.2.4	Corak	21
2.3	Kajian Tembikar	21
2.4	Kajian Sejarah Tembikar	22
2.4.1	Tembikar Tradisional Jepun	28
2.4.2	Tembikar Tradisional China Zaman Song (960 – 1126 Masihi)	29
2.4.3	Tembikar Tradisional Thailand	30
2.4.4	Tembikar Tradisional Melayu	32
2.4.5	Tembikar Tradisional Malaysia	38
2.4.6	Tembikar Tradisional Di Sabah	39
2.5	Sorotan Kajian	41
2.6	Kajian Tembikar Tradisional Sabah	49
2.6.1	Tembikar Tradisional Sabah <i>Kuron</i>	53
2.6.2	Tembikar Tradisional Sabah <i>Lapohan</i>	54
2.7	Penutup	57
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		59
3.1	Pengenalan	59
3.2	Pendekatan Kualitatif	60
3.2.1	Kaedah kajian Kualitatif	61
3.2.2	Analisis Kajian Kaedah Kualitatif	61
3.3	Kaedah Penulisan	62
a.	Peringkat Diskripsi atau pemerian	62
b.	Peringkat Analisis	63
c.	Peringkat Interpretasi atau perterjemahan	63
d.	Judgement atau Penilaian	64
3.4	Prosedur mengutip data	64
3.4.1	Kaedah pengumpulan data	65
3.4.2	Pemerhatian	65
3.4.3	Temu Bual	66
3.4.4	Temu Bual dengan Responden	68
3.4.5	Kajian Perpustakaan	69

3.4.6	Kajian Internet	69
3.4.7	Data Jabatan	70
3.5	Strategi Penyelidikan	71
3.6	Teori Ikonografi	72
3.6.1	Instrumen Kajian	74
3.6.2	Semiotik	76
3.7	Analisis Kajian	77
3.8	Latar Belakang kawasan kajian	78
3.8.1	Kawasan Kajian	80
	a. Kota Belud	81
	b. Kampung Malangkap Kapa	82
	c. Semporna	83
	d. Pulau Selakan	84
3.8.2	Latar belakang masyarakat kajian	85
	a. Masyarakat Kadzandusun	85
	b. Masyarakat Bajau Laut	86
3.9	Penutup	88
BAB 4: ANALISIS REKA BENTUK DAN MOTIF TEMBIKAR <i>KURON</i>		89
4.1	Pengenalan	89
4.1.1	Konsep Tembikar dalam budaya Dusun	90
4.2	Proses pembentukan tembikar <i>Kuron</i>	90
4.2.1	Peralatan menghasilkan <i>Kuron</i>	96
	a. Peralatan sebelum membentuk <i>kuron</i>	96
	b. Peralatan semasa membentuk <i>kuron</i>	96
	c. Peralatan semasa membakar <i>kuron</i>	97
4.2.2	Reka Bentuk <i>Kuron</i>	98
4.2.3	Motif <i>Kuron</i>	102
4.3	Kritikan Ikonografi dari sudut analisis formal dan estetika	105
4.3.1	Reka Bentuk dan Motif <i>Kuron</i>	105
4.3.2	Kategori Reka Bentuk dan Motif Tembikar <i>Kuron</i>	118
4.4	Penutup	123

BAB 5: ANALISIS REKA BENTUK DAN MOTIF TEMBIKAR <i>Lapohan</i>	124
5.1 Pengenalan	124
5.1.1 Konsep Tembikar dalam Budaya Bajau Laut	124
5.2 Sejarah Tembikar <i>Lapohan</i>	126
5.3 Tembikar <i>Lapohan</i>	127
5.3.1 Proses Pembentukan Tembikar <i>Lapohan</i>	128
5.3.2 Peralatan Penghasilan <i>Lapohan</i>	130
5.3.3 Pantang Larang Pembuatan <i>Lapohan</i>	132
5.3.4 Reka Bentuk <i>Lapohan</i>	133
5.3.5 Motif Tembikar <i>Lapohan</i>	136
5.4 Kritikan Ikonografi dari sudut analisis formal dan estetika	140
5.4.1 Analisis Reka Bentuk dan Motif <i>Lapohan</i>	141
5.4.2 Kategori Reka Bentuk dan Motif Tembikar <i>Lapohan</i>	156
5.5 Penutup	163
BAB 6: KESIMPULAN DAN CADANGAN	164
6.1 Pendahuluan	164
6.2 Mengenalpasti Reka Bentuk dan Motif Tembikar	165
6.3 Kategori Reka Bentuk Dan Motif Tembikar	167
6.4 Analisis Elemen Formalistik pada Jenis Reka Bentuk dan Motif Tembikar	168
6.5 Penutup	170
6.6 Cadangan kajian lanjutan	171
RUJUKAN	172
GLOSARI	181
PLAT	185
LAMPIRAN FOTO	196
LAMPIRAN SOAL SELIDIK	203

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1: Lokasi serta tatacara pemprosesan bahan mentah dalam pembuatan tembikar tradisional Melayu	37
Jadual 3.1: Strategi Analisis Kajian	61
Jadual 3.2: Kekерapan bagi Reka bentuk dan Motif <i>kuron</i> dan <i>lapohan</i>	74
Jadual 3.3: Perkaitan Teori	77
Jadual 3.4: Bilangan Penduduk Mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran 1991-2010	81
Jadual 4.1: Reka Bentuk <i>Kuron</i>	100
Jadual 4.2: Analisis Reka Bentuk <i>Kuron</i> (<i>Pendekatan Erwin Parnosky</i>)	106
Jadual 4.3: Analisis Motif <i>Kuron</i> (<i>Pendekatan Erwin Parnosky</i>)	108
Jadual 4.4: Variasi Motif <i>Kuron</i>	111
Jadual 4.5: Kategori Motif Flora dan Fauna	119
Jadual 4.6: Kategori Motif Geometri	120
Jadual 4.7: Kategori Motif Organik	122
Jadual 5.1: Jenis-Jenis Motif <i>Lapohan</i>	137
Jadual 5.2: Analisis Reka Bentuk <i>Lapohan</i> (<i>Pendekatan Erwin Parnosky</i>)	142
Jadual 5.3: Analisis Reka Motif <i>Lapohan</i> (<i>Pendekatan Erwin Parnosky</i>)	146
Jadual 5.4: Variasi Motif dan bentuk Tembikar <i>Lapohan</i>	149
Jadual 5.5: Kategori Motif Flora Dan Fauna	157
Jadual 5.6: Kategori Reka Bentuk dan Motif Geometri	159
Jadual 5.7: Kategori Motif Organik	162

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1: Serpihan pecahan tembikar dijumpai di tapak arkeologi Semenanjung Malaysia	3
Rajah 1.2: Peta tapak kajian	13
Rajah 2.1: Reka bentuk Tembikar Tradisional Jepun	28
Rajah 2.2: Pinggan celedon hijau bermotif naga	30
Rajah 2.3: Seramik Sukhothai abad 13 Masihi	32
Rajah 2.4: Buah Sekoi/sekol	33
Rajah 2.5: Dekorasi slip merah pada tembikar Melayu	35
Rajah 2.6: Tumbuhan 1987 64 cm inci x 32 cm lebar	50
Rajah 2.7: Jenis pola corak Motif	52
Rajah 2.8: Reka bentuk tembikar tradisional <i>Kuron</i>	53
Rajah 2.9: Jenis -jenis reka bentuk <i>Lapohan</i>	55
Rajah 3.1: Carta Alir Strategi Penyelidikan	71
Rajah 4.1: Proses Pembuatan Tembikar <i>Kuron</i>	95
Rajah 4.2: Imej <i>Kuron</i>	96
Rajah 4.3: Peralatan yang digunakan untuk menghasilkan <i>kuron</i>	97
Rajah 4.4: Struktur Reka Bentuk <i>Kuron</i>	99
Rajah 4.5: Pasu Motif Tembikar <i>Kuron</i>	103
Rajah 4.6: Reka Bentuk dan Motif <i>Tinan Kuron</i>	104
Rajah 4.7: Reka Bentuk dan Motif <i>Sompon Kuron</i>	104
Rajah 5.1: Imej <i>Lapohan</i>	128
Rajah 5.2: Proses Pembuatan <i>Lapohan</i>	130
Rajah 5.3: Bahan dan Peralatan untuk menghasilkan <i>Lapohan</i>	132
Rajah 5.4: Struktur Reka Bentuk <i>Lapohan</i>	134
Rajah 5.5: Jenis- jenis <i>Lapohan</i>	135

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Tembikar adalah barangan hasil kraftangan dan produk seni yang dihasilkan menerusi hasil kerja tangan manusia. Medium seni tembikar ini mempunyai pertalian sejarah yang amat panjang bermula dari awal abad hingga kini dan masih lagi digunakan sejak berkurun lamanya. Tembikar juga melangkaui batasan waktu yang berterusan kerana kegunaannya sebagai alat keperluan utiliti bermula dari abad dahulu lagi hingga ke hari ini.

Dilihat dari segi sejarah asal usul pembuatan tembikar manusia yang wujud sejak zaman prasejarah lagi terutamanya di akhir zaman Mesolitik/Hoabinh atau awal Neolitik lebih kurang 10,000 tahun lampau. Tembikar di peringkat awalnya merupakan tembikar tanah yang mempunyai kadar pembakaran yang rendah. Melalui kajian tembikar dilihat dapat direkod beberapa hasil kegiatan masyarakat yang kebiasaan berkait rapat dengan tingkah laku masyarakat yang pernah menciptanya. (Santoso Soegondho 1996: 436)

Tembikar juga turut mempunyai ekspresi seni yang memaparkan konsep keindahan dalam sesebuah tamadun dan masyarakat di dunia. Di samping itu, dijadikan alatan untuk kegunaan seharian dan kehidupan manusia. Dengan adanya penemuan ornamen seperti pecahan tembikar purba ditapak arkeologi di Semenanjung Malaysia telah membuka satu peluang baru terhadap para penyelidik untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang isu berkaitan dengan tembikar.

Kajian tentang tembikar juga dapat memperjelaskan sesuatu yang berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan oleh manusia sebagai contoh perdagangan, persebaran penduduk, kesenian, kepercayaan dan tingkat teknologi masyarakat yang menghasilkannya (Kramer 1969: 26; Langmaid 1978: 9). Tembikar yang menyerupai

bentuk takungan seperti mangkuk dihasilkan daripada bahan tanah liat telah dikenali sejak manusia mula pandai bercucuk tanam. Pada waktu itu, manusia memerlukan peralatan yang dapat digunakan untuk keperluan kehidupan seharian mereka iaitu untuk memasak dan menyimpan bahan makanan yang telah dimasak. Dengan ini tembikar dihasilkan dan digunakan oleh manusia secara meluas. (Gardner 1978; Thomas 1982; Zhiyan & Wen 1984)

Tembikar yang terdapat di Semenanjung Malaysia terdiri daripada pelbagai jenis, warna dan corak hiasan. Terdapat dua jenis kategori tembikar ada yang berasal dari tempatan dan ada yang diimport. Tembikar tempatan lebih kepada jenis tembikar tanah seperti buyung, kendi, mangkuk, geluk, periuk dan tempayan tanah. Manakala tembikar yang diimport pula adalah seperti tempayan, mangkuk, kendi dari jenis tembikar tanah dari China abad 18–19 Masihi, tembikar tanah berglais dari China abad 19 Masihi, tembikar tanah Thailand abad 15–18 Masihi.

Manakala tembikar tanah Khmer abad 15 Masihi, tembikar batu China abad 11–19 Masihi, tembikar batu Thailand seperti Sukhothai dan Sawankhalok abad 13–15 Masihi, tembikar batu Vietnam abad 15 Masihi, tembikar batu Khmer abad 15 Masihi, porselin China jenis celadon zaman Song abad 11–13 Masihi, porselin putih zaman Song abad 11–13 Masihi, porselin China zaman Ming abad 15–17 Masihi, porselin China zaman Ching abad 18–19 Masihi, porselin Eropah abad 19 Masihi, porselin Vietnam abad 15–16 Masihi, porselin dari Jepun, porselin dari Timur Tengah dan beberapa jenis tembikar yang lain. (Asyaari Muhamad 2005: 12)

Terdapat tiga jenis seramik yang diperolehi di Semenanjung Malaysia (Rajah 1.1). Ia adalah seramik jenis tembikar tanah, tembikar batu atau porselin. Ini amat penting kerana ianya dapat memberi gambaran menyeluruh tentang jenis, corak hiasan serta motif hiasan yang terdapat dalam keseluruhan koleksi tembikar di Semenanjung Malaysia.



Rajah 1.1: Serpihan pecahan tembikar dijumpai di tapak arkeologi Semenanjung Malaysia.

Sumber : Diubahsuai daripada Jurnal Asyaari Muhamad *International Journal of the Malay World and Civilisation* 28(1) (2010): 3-40

Menurut Winstedt (1925), dalam tulisannya menjelaskan bahawa penciptaan tembikar oleh orang Melayu pada zaman awal adalah dalam bentuk yang begitu asas dengan ragam hias yang cukup sederhana. Beliau mencatatkan:

Ornamentation was relatively unambitious; cord-marking is the most usual form of ornament. Simple incised patterns are found. The ware is generally dark in colour with sand and charcoal tempering and often a polished surface produced by burnishing with the application of soot.

(Winstedt dlm Siti Zainon 1986: 63)

Penemuan-penemuan ini, menurut para pengkaji dapat menjelaskan bahawa kegiatan 'perusahaan tembikar' sudah wujud di Tanah Melayu sejak awal dan telah berkembang dengan terciptanya pelbagai bentuk dan ragam hias. (Siti Zainon 1986) Antaranya ialah penggunaan unsur-unsur alam seperti pokok dan bunga yang berkemungkinan hanya terdapat di negara ini seperti bunga tanjung, bunga padi, bunga kedudut, bunga pecah empat, susur kelapa, bunga lawang, bunga cengkih, bunga cakar ayam, pucuk rebung, siku keluan dan bentuk s, x dan v. (Wray 1903; Ibrahim Darus & Sahaimi Abd Manaf 2005)

Di Malaysia, kita boleh berbangga kerana kita mempunyai sejarah seni tembikar yang tersendiri. Penemuan beberapa artifak tembikar lama membuktikan seni pembuatan tembikar juga bertapak di Malaysia. Kini pembuatan tembikar tradisional masih berterusan, terutamanya di Kuala Tembeling, Pahang yang terkenal dengan labu terenang, Kampung Mambong (Kelantan), Sayong, dan Pulau Tiga (Perak) Nuan dan Kudin (Sarawak), Kecor (Perlis) serta Kuron dan Lapohan (Sabah). (Ibrahim Darus & Sahaimi Abd Manaf 2005). Penemuan tersebut membuktikan perusahaan tembikar telah lama wujud di Tanah Melayu.

Setiap satu hasil tembikar kraftangan tradisional mengikut negeri itu mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan unik. Selain itu berkait rapat dengan adat resam dan kepercayaan tempatan. Disamping proses penghasilan kraf tembikar dengan menggunakan medium utama iaitu tanah liat. Sebagai contoh, dapat dilihat melalui rupa bentuk dan ragam hias tembikar yang masih terdapat pada serpihan tembikar primitif Melayu di Johor. Dekorasinya yang berbentuk sederhana dari sudut motif dan coraknya yang hanya memaparkan motif-motif geometri seperti tulang ikan.

Manakala di Perak tembikar dijumpai daripada tembikar jenis kelalang yang dikatakan mempunyai persamaan dengan tembikar zaman gangsa di Sumatera dan Jawa. Selain itu, serpihan tembikar yang dijumpai di Melaka yang memperlihatkan reka bentuk bekas air yang berwarna seakan hitam campur coklat serta dihiasi dengan teknik cetak dalaman. Di Malaysia, terdapat beberapa pusat perusahaan tembikar. Contohnya di Kechor, Perlis, Alor Merah, Kedah, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak. Walaupun, tembikar diusahakan di beberapa tempat di negeri Melayu namun Perak dikatakan merupakan satu-satunya negeri atau kawasan yang masih mempertahankan nilai pembentukan secara turun temurun baik dari segi proses penciptaannya mahupun reka bentuk luarnya." (Siti Zainon 1986)

Di Perak sahaja, terdapat empat tempat yang mengusahakan tembikar secara kecil-kecilan contohnya iaitu di Lenggong, Kerian, Sayong, Kuala Kangsar dan di Pulau Tiga. Selain itu, bagi masyarakat Melanau di Sarawak tembikar juga merupakan hasil kesenian yang paling tertua. Kebanyakan tembikar yang dihasilkan

terdiri daripada media tanah liat yang diadun dan dibentuk dalam pelbagai saiz. Contohnya tembikar yang bersaiz kecil yang dikenali sebagai 'Tuning' dijadikan bekas memasak sayur-sayuran dan lauk pauk. Manakala tembikar yang bersaiz besar dijadikan sebagai tempat menyimpan air tuak yang dikenali sebagai 'Kudin'. Bagi suku kaum Melanau tembikar yang bersaiz besar turut memainkan peranan dalam upacara perkahwinan kerana tembikar jenis ini dijadikan sebagai hantaran.

Selain itu, tembikar yang bersaiz besar juga turut berfungsi untuk menyimpan mayat apabila berlaku kematian. Budaya ritual ini amat penting diamalkan bagi masyarakat yang tidak mempunyai sebarang agama atau lebih dikenali sebagai pagan apabila berlakunya kematian. Lazimnya, tembikar buatan masyarakat Melanau ini tidak mempunyai corak atau warna yang menarik. Tembikar tersebut berwarna hitam atau kelabu bergantung pada jenis tanah yang digunakan. Corak yang dihasilkan juga jarang terdapat dalam tembikar hanya corak yang berbentuk tekatan digunakan untuk mencantikkan lagi tembikar yang dihasilkan ini kerana mereka lebih menekankan dari sudut kegunaannya sahaja.

Manakala bagi masyarakat Murut di Sabah pula tembikar dikenali sebagai Tajau yang merupakan salah satu hasil kesenian yang telah berakar umbi dalam masyarakatnya. Tajau mempunyai keunikan kerana ianya akan dihasilkan bersaiz besar sahaja. Ini disebabkan tembikar bersaiz besar digunakan untuk upacara kematian. Si mati akan dimasukkan ke dalam tajau sebaik sahaja disahkan mati suatu ketika dahulu. Namun amalan memasukkan mayat sudah jarang dilakukan oleh masyarakat Murut pada masa ini lagi. Kini kegunaan tajau telah berubah fungsi dengan dijadikan sebagai hantaran perkahwinan dan bekas kegunaan aktiviti harian.

Bagi masyarakat Murut cara penilaian melihat taraf kekayaan seseorang itu melalui bilangan tajau yang dimiliki atau diberi semasa upacara berian.¹ Oleh itu, setiap hantaran perkahwinan akan ditentukan melalui pemberian jumlah tajau. Selain itu, Tajau turut digunakan untuk mengisi barangan seperti padi kerana padi merupakan makanan utama bagi masyarakat Murut. Antara jenis tembikar tradisional

¹ *Berian* bermaksud hantaran yang diberikan semasa upacara perkahwinan bagi suku kaum Murut di Sabah menurut Ismail Ibrahim 2011 dalam bukunya yang bertajuk Warisan Motif dan Corak

yang lain iaitu tembikar *Kuron* dan *Lapohan*. Kajian ini berfokuskan kepada reka bentuk dan motif bagi tembikar tradisional di Sabah yang merupakan alatan kegunaan utama kehidupan masyarakat di Sabah terutama masyarakat penghasilannya iaitu Dusun dan Bajau Laut.

Tembikar ini juga saling memerlukan antara satu sama lain melihat kepada konsep alam dan putaran bumi yang mana manusia memerlukan tanah dan laut untuk melengkapkan kehidupan seharian manusia. Disamping itu, melihat dari sudut ragam hias dan fungsinya yang berkait rapat dalam konteks budaya. Serta berfokuskan maksud motif-motif dan struktur reka bentuknya yang memperlihatkan perbezaan antara sesetengah etnik. Disamping mengetahui jenis-jenis tembikar dari sudut bentuk dan corak yang berfungsi untuk menjalankan sebarang upacara dan ritual ketika keramaian di Sabah.

Ragam hias ini akan menyerlahkan identiti bagi sesetengah kaum dengan memaparkan falsafah sesetengah pembuat dan sejarah latar belakang si pembuat tembikar oleh suku kaum mereka. Di samping itu dalam kajian ini juga akan memperjelaskan maksud-maksud yang terdapat dalam motif tembikar tradisional yang dihasilkan di Sabah iaitu tembikar *korun* dan *lapohan*. Penyelidikan ini akan dijalankan di lokasi yang berfokus masyarakat awal penghasilannya sejak tradisi iaitu di daerah Kota Belud dan Semporna Sabah sahaja.

1.2 Permasalahan Kajian

Pendokumentasian secara jelas terhadap tembikar di Sabah memberi kesan kepada perkembangan dan nama industri kraf di Sabah. Menurut Achmad Sopandi Haji Hasan (2003), Negeri Sabah merupakan antara negeri yang terkenal dan kaya dengan kepelbagaian budaya termasuklah kraf tradisionalnya yang terkenal di serata dunia. Sejarah pembuatan asal usul bentuk dan motif *kuron* dan *lapohan* masih kabur dan sukar untuk diketahui dengan jelas dan pasti kerana tembikar dihasilkan secara tradisional daripada bahan semulajadi iaitu tanah liat yang diambil di lereng-lereng bukit dan sungai.

Tembikar merupakan merupakan bahan yang ringan, tahan lama dan tidak mudah rosak berbanding dengan barang-barang seni seni lain seperti logam, fabrik, kayu dan lain-lain lagi. Disebabkan Krisis budaya dan identiti terus berlaku generasi muda pada masa sekarang mula tidak faham tentang budaya sendiri Taib Othman (1983) sebagai contoh dari segi pembuatan tembikar, reka bentuk dan motif tembikar *Kuron* dan *lapohan*. Generasi muda pada masa kini masih kurang pemahaman tentang tembikar tradisional *Kuron* dan *Lapohan* berbanding tembikar negeri-negeri lain terutama dari segi jenis reka bentuk dan motif.

Untuk melestarikan warisan dan budaya, Maka pengkaji perlu mengenal pasti reka bentuk dan motif sebagai lambang jati diri dan warisan etnik tersebut di Sabah. Menerusi kajian ini pengkaji dapat menerangkan kekeliruan pada orang luar dan keaslian tembikar tradisional Sabah. Justera itu pengkaji akan memfokuskan kajian tentang tembikar tradisional *Kuron* dan *Lapohan* untuk didokumentasikan maklumat tersebut untuk dijadikan hak milik masyarakat penghasilannya.

Perubahan pada reka bentuk tembikar sekarang yang berlaku selepas kedatangan pengaruh asing di Borneo. Hal ini, dapat dilihat dari segi motif dan ragam hias yang terhasil yang sudah bercorak moden dan mengalami perubahan mengikut peredaran masa dan teknologi. Perubahan ini dapat dilihat generasi muda sekarang yang tidak mengetahui corak motif dan cara pembuatannya secara tradisional yang lebih bermutu dan mempunyai keindahannya yang tersendiri. Oleh itu pengkaji akan mengkategorikan jenis-jenis motif yang untuk menentukan keaslian kajian ini. Melalui cara membuat penulisan berkaitan dengan tajuk kajian setelah mendapatkan data masalah secara sah dan lengkap untuk dijadikan rujukan pengkaji akan datang.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian yang hendak dicapai oleh penyelidik seperti yang terdapat dibawah ini.

- a. Mencirikan reka bentuk dan motif kraf tembikar tradisional *Kuron* dan *Lapohan*.
- b. Mengkategorikan reka bentuk dan motif tembikar tradisional *Kuron* dan *Lapohan*.
- c. Menganalisis jenis-jenis reka bentuk dan motif tembikar tradisional *Kuron* dan *Lapohan*.

1.4 Persoalan kajian

Persoalan kajian merupakan tanda tanya bagi menjawab objektif kajian bagi menyelesaikan masalah yang dikaji oleh pengkaji berkaitan dengan tembikar di Sabah antaranya ialah:

- a. Apakah konsep reka bentuk dan motif tembikar tradisional *Kuron* dan *Lapohan*?
- b. Apakah kategori reka bentuk dan motif tembikar tradisional *Kuron* dan *Lapohan* secara terperinci?
- c. Apakah jenis-jenis reka bentuk dan motif tembikar tradisional *Kuron* dan *Lapohan*?

1.5 Metodologi dan Kaedah kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan kajian lapangan yang bersifat kualitatif. Dengan menggunakan data kualitatif melalui kehadiran pengkaji secara terus di tapak lapangan (*Fieldwork*). Maklumat-maklumat secara kualitatif ini juga diperolehi melalui cara pemerhatian, temubual dan rekod data. Kajian ini juga turut memberi fokus kepada reka bentuk dan motif tembikar tradisional Sabah *Kuron* dan *Lapohan* melalui kaedah pengumpulan dan susunan data-data serta maklumat di tempat kajian, media massa dan internet.

Penyelidikan secara etnografi terbahagi kepada tiga pertimbangan, Pertama membuat tinjauan literatur melalui kajian perpustakaan untuk mengetahui subjek kajian dan latar belakang masyarakat kajian. Manakala yang kedua membuat pengumpulan dan koleksi subjek kajian melalui gambar dan audio visual. Antara persoalan yang sering diutarakan iaitu tentang latar belakang si pembuat tembikar dan maksud reka bentuk dan motif yang terhasil. Eksplorasi atau penerokaan selanjutnya dilaksanakan untuk mengenal pasti dari segi variasi, persamaan dan perbezaan elemen kajian (Humin Jusilin, 2011).

1.5.1 Teori Ikonografi

Kaedah kajian yang dipilih dalam penulisan kajian ini adalah mengikut teori kritikan Ikonografi yang dikemukakan oleh Erwin Panofsky dan akan dikembangkan mengikut kesesuaian. Teori Ikonografi bermaksud kaedah yang sering digunakan secara

meluas oleh pengkritik seni untuk mengetahui maksud kesenian daripada simbol yang terhasil zaman Renaissance (abad 14-17) di Itali. Menerusi kaedah teori kritikan ini fakta tentang sejarah seni dapat dikaji melalui kaedah identifikasi, deskripsi dan interpretasi isi gambar. Simbol ikon-ikon ini seperti lukisan, arca dan tembikar akan ditafsirkan didalam bentuk analisis dalam penulisan yang berasal dari Yunani Kuno.

Melalui lukisan atau arca juga turut menjelaskan gambaran aktiviti keagamaan kristian dalam gereja pada masa dahulu. Teori Kritikan Ikonografi merupakan satu teori yang diperkenalkan oleh sejarahwan seni tersohor 'Erwin Panofsky' (1892-1968) yang memperkenalkan kepada tiga jenis peringkat kritikan iaitu yang pertama objek yang natural atau primer. Dalam kritikan ini Edwin menjelaskan 'Ikonologi' merupakan kaedah awal dalam mendeskripsikan sesuatu imej atau ikon dari segi karakter awalnya sahaja sebagai contoh melalui saiz, warna dan bentuk objek benda itu..

Manakala yang kedua iaitu peringkat sekunder di mana kaedah ini akan menganalisis imej yang digunakan untuk mengetahui maksud motif dan imej di dalam sesuatu karya. Ketiga makna atau isi yang memperjelaskan kaedah interpretasi dan penyiasatan secara mendalam dalam sesuatu imej atau simbol yang terhasil untuk mendapatkan makna dan paparan motif dan simbol yang boleh dikaitkan dengan latar budaya dan sosial sesuatu masyarakat.

Kaedah ini akan dilaksanakan bagi melancarkan teknik penulisan supaya berjalan dengan lebih baik dan terancang. Hal ini, pengkaji merasakan kaedah kritikan Ikonografi merupakan pendekatan yang terbaik untuk menganalisis reka bentuk dan motif *Kuron* dan *lapohan* kerana ia lebih merujuk kepada fungsi atau persoalan ikonnya yang memperkatakan mengenai objek dan makna. Sebagai contoh Panofsky juga turut menerangkan mengenai objek dan makna apabila menceritakan bahawa kawannya menegur beliau dengan mengangkat topi. Dengan mengangkat topi itu beliau telah memberi makna sesuatu petanda tentang objek dan makna. Simbol mengangkat topi adalah suatu makna yang mendalam sama ada menghormati, menegur, bernesra, atau sopan santun.

Makna itu juga boleh dikatakan sebagai makna intrinsik atau makna yang mendalam. Makna tersebut tidak dapat diterima pada tempat yang lain. Walau bagaimanapun, dalam penulisan ini pengkaji memilih tiga peringkat kritikan ini iaitu pertama peringkat premier objek yang natural atau primari. Manakala yang kedua ialah objek yang biasa atau sekunder. Manakala yang ketiga ialah makna intrinsik atau isi pengahayatan yang bersistematik yang sangat sesuai untuk digunakan dalam peringkat analisis kajian *Kuron* dan *lapohan* yang direka lebih kepada struktur fungsi dan kepercayaan masyarakatnya.

Justeru itu, dalam kajian ini teori ikonografi menjadi panduan yang utama dalam menganalisis reka bentuk dan motif tembikar tradisional Sabah iaitu *Kuron* dan *Lapohan*. Ketiga-tiga gabungan teori ini dapat melihat elemen formalistik dan estetikanya yang terdapat dalam pembuatan tembikar tradisional di Sabah terutama dari sudut reka bentuk dan motifnya. Setiap subjek kajian yang terlibat dalam penyelidikan ini akan dihuraikan berdasarkan maklumat yang diberikan oleh informan dan hasil pemerhatian pengkaji di tapak lapangan.

1.6 Skop Kajian

Dalam penyelidikan ini kajian hanya tertumpu kepada negeri Sabah iaitu merangkumi beberapa tempat kajian yang ingin difokuskan dalam penghasilan industri penghasilan tembikar antaranya tertumpu kepada pengusaha pembuatan tembikar tradisional Sabah iaitu *Korun* atau lebih dikenali sebagai periuk masakan. Penghasilan *korun* ini bertempat di kampung Melangkap Kapa iaitu di Kota Belud Sabah.

Selain itu, antara kawasan kajian penghasilan tembikar tradisional Sabah yang difokuskan ialah daerah Semporna iaitu di kawasan pulau Selakan yang menghasilkan tembikar jenis *Lapohan* atau lebih dikenali sebagai dapur untuk memasak. Dalam kajian ini merangkumi cara-cara pembuatan, bahan yang digunakan serta reka bentuk dan corak motif yang dihasilkan.

Selain itu kajian turut dijalankan di pusat kraftangan Sabah untuk mendapat data tentang pengusaha kraftangan yang didaftar serta hasil purata kraf yang dihasilkan dari tahun ke tahun. Muzium negeri Sabah juga turut menjadi pusat

rujukan untuk mendapat data tentang tembikar negeri Sabah. Tempoh kajian yang dianggarkan untuk menyiapkan kajian ini sekitar satu tahun setengah. Hal ini kerana faktor tempat kajian yang ingin dikaji mengalami masalah jarak jauh dan faktor tempat tinggal informan yang tinggal di kawasan pedalaman dan kawasan pulau menyebabkan keterbatasan kajian.

Bahan yang digunakan untuk menghasilkan tembikar ini berdasarkan daripada bahan utama tanah liat yang terdapat dikawasan tempat tinggal mereka sendiri. Oleh itu, lebih mudah untuk informan menerangkan cara-cara membuat tembikar kepada pengkaji dan tempat yang sudah sedia ada untuk menghasilkan secara lansung.

1.7 Tujuan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji dan mengetahui sejarah tentang asal usul tembikar tradisional berfokus kepada negeri Sabah. Melalui penyelidikan ini pengkaji dapat mencirikan serta mengetahui konsep rekaan reka bentuk dan ragam hias kraf tembikar yang terdapat di Sabah secara terperinci disamping proses penghasilannya secara langsung.

Fokus kajian yang ingin ditekankan oleh pengkaji ialah dengan mengenalpasti peringkat pertama dari segi rekabentuk dan motif yang terdapat pada tembikar tradisional Sabah *Kuron* dan *Lapohan*. Melalui kajian ini dapat melihat jenis-jenis reka bentuk tembikar Sabah dan ragam hias yang dapat menyerlahkan identiti pembuatan tembikar di Sabah. Dengan adanya penyelidikan ini, penyelidik-penyelidik pada masa akan datang dapat mengetahui data yang dikaji secara mentah dan padat ini secara terperinci serta dibukukan dan dijadikan rujukan oleh masyarakat.

Selain itu, pengkaji ingin menganalisis motif dan ragam hias tembikar tradisional di Sabah. Manakala dalam analisis kajian ini pengkaji menganalisis jenis motif-motif yang terdapat pada tembikar Sabah dan jenis ragam hias yang menghiasi pembuatan tembikar di Sabah secara terperinci. Pengkaji dapat menganalisis dengan menggunakan teori ikonografi yang dikemukakan oleh Erwin Panofsky dengan memperjelaskan maksud dan makna yang terdapat pada sesetengah motif yang